

BULETIN TITIAN



MAJLIS BANDARAYA KUANTAN



Sidang REDAKSI

Penasihat:

YH. Dato' Zaliza bin Zulkipli
Datuk Bandar Kuantan

Timbalan Penasihat:

Tuan Haji Mohd Nizam bin Mahayuddin
Setiausaha

Ketua Editor:

Haslinda binti Hassan
Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat

Editor:

Hani Syazani bin Kamarudin Arifin
Radi bin Razak

Pereka:

Wan Falizawati binti Wan Yusof
Nor Aidil Alfian bin Nor Azlan (Pelatih)
Muhammad Adam Harris bin Mohd Hadafi (Pelatih)

Jurufoto:

Muhammad Faris Amirul bin Kamaruzaman
Ismail bin Shafie
Muhammad Fahmey bin Selamat

Terbitan:

Jabatan Komunikasi Korporat
Bahagian Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan

Edaran:

Jabatan Komunikasi Korporat
Bahagian Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih,
25100 Kuantan, Pahang

Talian:

Telefon: 09-5121555/666
Website: www.mbk.gov.my



MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Bahan ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Bandaraya Kuantan.

#Pahang1st #AspirasiPahang1st #MajuTerusPahang #ASEANCleanTouristCity
#BandarPalingMampan #KuantanBandarayaIndahLestari



MESYUARAT PENUH

Pada 23 April 2026, Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuantan, YH Dato' Zaliza bin Zulkipli, dengan kehadiran Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan, Tuan Haji Mohd Nizam bin Mahayuddin, barisan Ahli Majlis, Ex-Officio serta para Pengarah. Mesyuarat yang diadakan setiap bulan ini merupakan platform eksekutif tertinggi dalam menyelaras tadbir urus dan meluluskan dasar-dasar kritikal perbandaran.

Selain berfungsi sebagai medium pengesahan mandat bagi pelbagai jawatankuasa tetap, mesyuarat ini juga menjadi teras perancangan pembangunan serta pengukuhan kewangan bandaraya melalui perbincangan strategik. Dengan komitmen untuk menyelesaikan isu tempatan secara lengkap, platform ini akan memperkukuh usaha kolektif MBK dalam memacu pembangunan mampan demi kesejahteraan menyeluruh warga Kuantan.



PELAN STRATEGIK

Perbincangan Deraf Pelan Strategik Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) telah diadakan secara berperingkat bagi memperhalusi kandungan dan hala tuju pelan. Siri perbincangan tersebut telah dilaksanakan di Cherating pada 12 hingga 13 Februari 2026, di Johor pada 27 hingga 29 April 2026, serta di Dewan Seminar Aras 2 pada 15 Mei 2026. Diadakan sesi-sesi perbincangan ini telah digunakan untuk memuktamadkan deraf Pelan Strategik bagi Tahun 2026-2030 Majlis Bandaraya Kuantan.



CAR FREE DAY

Demi memacu pembangunan hijau, Majlis Bandaraya Kuantan mengadakan satu program yang mempromosikan gaya hidup sihat serta menghidupkan bandar rendah karbon melalui inisiatif bandar tanpa kenderaan. Setiap program ini mempunyai temanya sendiri yang diadakan pada Ahad minggu pertama setiap bulan.



4 JANUARI 2026 – EDISI NEW YEAR RUN & RIDE 2026



8 FEBRUARI 2026 – PANDA CITY RUN





5 APRIL 2026 – EDISI LEBARAN





3 MEI 2026 – EDISI HARI PEKERJA



7 JUN 2026 – EDISI NEON RUN



Penganjuran ini bukan sekadar aktiviti riadah, malah merupakan langkah proaktif dalam merealisasikan aspirasi "Sustainable Development Goals" (SDG 3 & SDG 11) serta memperkukuh hubungan antara agensi kerajaan, swasta, dan penduduk setempat.

SENARAI ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN DALAM DAN LUAR NEGARA MAJLIS BANDARAYA KUANTAN TAHUN 2026



30 JANUARI 2026

*ASEAN CLEAN TOURIST CITY
AWARD
ASEAN TOURISM AWARD 2025*

Penganjur :
ASEAN



11 APRIL 2026

*SILVER AWARD
PUBLIC SERVICE INNOVATION ASIA
(PSIA)
@ MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO*

*OSC4D+
PROJEK : I-CERT COMPLY*

Penganjur :
PROTEM



11 APRIL 2026

*BRONZE MEDAL AWARD
PUBLIC SERVICE INNOVATION ASIA
(PSIA)
@ MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO*

*GEAR MECH
PROJEK : AC HYDROFORCE*

Penganjur :
PROTEM



30 MAC 2026

*ASEAN APPLICATION INNOVATION
AWARD*

*PROJEK :
SMART PEDESTRIAN CROSSWALK*

Penganjur :
**PEOPLE'S GOVERNMENT OF
GUANGXI ZHUANG
AUTONOMOUS REGION**



MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS 2026

Penganjur :
**INSTITUTE OF LANDSCAPE
ARCHITECTURE MALAYSIA (ILAM)**

20 JUN 2026



29 JUN 2026

PROJEK REFORMASI KARENAH BIROKRASI (RKB)

Penganjur :
MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION (MPC)



ASEAN CLEAN TOURIST CITY AWARD ASEAN TOURISM AWARD 2025



Anugerah telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Hadir menerima anugerah ialah YB. Dato' Haji Mohammad Fakhrudin bin Mohd Ariff, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang dan turut diiringi oleh YH. Dato' Zaliza bin Zulkipli, Datuk Bandar Kuantan.

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) telah mencatat sejarah apabila berjaya memperolehi anugerah ASEAN Clean Tourist City Award sempena ASEAN Tourism Award 2025 yang telah berlangsung di Cebu, Filipina. Pengiktirafan berprestij ini merupakan pencapaian julung kali buat Bandaraya Kuantan yang secara langsung membuktikan keupayaan bandaraya ini untuk berkembang sebagai sebuah destinasi pelancongan bandar yang mampan dan berdaya saing di peringkat ASEAN.

MBK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan komited dalam menjayakan usaha ini demi memperkasakan imej Bandaraya Kuantan di peringkat ASEAN dan antarabangsa.



CHINA-ASEAN SUPER LEAGUE SMART CITY DEVELOPMENT & INNOVATION

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) sekali lagi mengharumkan nama di persada antarabangsa apabila berjaya merangkul tempat pertama dalam kategori ASEAN Application Innovation Award menerusi projek inovatif "Smart Pedestrian Crosswalk" yang dilaksanakan di Jalan Mahkota, Kuantan. Anugerah berprestij ini dianjurkan oleh Department of Housing and Urban-Rural Development of Guangxi Zhuang Autonomous Region dan telah menarik penyertaan daripada pelbagai negara termasuk China serta negara-negara ASEAN.

Majlis penyampaian anugerah telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Nanning, Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, China. Delegasi MBK yang mewakili dalam pertandingan ini terdiri daripada Encik Fakhrul Asyraf bin Abdullah & Puan Hamizah binti Othman daripada Jabatan Perancang Bandar bersama Encik Mohd Adnan bin Tahir & Puan Nur Hidayu binti Azhar daripada Jabatan Penyelenggaraan.





ANUGERAH LANDSKAP

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) menerusi Jabatan Landskap berjaya mengharumkan nama Majlis di persada Malaysia apabila berjaya merangkul dua anugerah di Malaysian Landscape Architecture Awards (MLAA) 2026 bagi Projek Seaside Park @ Gelora dan Warisan Alam Teruntum.



Anugerah berprestij ini telah dianjurkan oleh Institute Of Landscape Architecture Malaysia (ILAM) di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Delegasi Majlis Bandaraya Kuantan telah diwakili oleh, Datuk Bandar Kuantan, Dato' Zaliza bin Zulkipli, Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan, Tuan Haji Mohd Nizam bin Mahayuddin serta wakil dari Jabatan Landskap.

Pencapaian ini adalah hasil dedikasi seluruh warga kerja dalam merealisasikan landskap bandar yang mampan, estetik dan memberi manfaat kepada kesejahteraan komuniti. Terima kasih kepada pihak pengurusan MBK serta semua pihak yang sentiasa menyokong.



INSTITUTE OF LANDSCAPE ARCHITECTS MALAYSIA (ILAM)

THE PINNACLE OF THE MALAYSIAN
LANDSCAPE
ARCHITECTURE

MALAYSIA
LANDSCAPE
ARCHITECTURE



PENGIKTIRAFAN REFORMASI

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) terus mengukuhkan komitmennya dalam memperkasa reformasi penyampaian perkhidmatan apabila empat projek penambahbaikan yang dibangunkan telah dipilih untuk diketengahkan pada Majlis Pengiktirafan Reformasi Kerenah Birokrasi yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Delegasi MBK di majlis tersebut adalah YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, Datuk Bandar Kuantan, Dato' Zaliza bin Zulkipli, Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan, Tuan Haji Mohd Nizam bin Mahayuddin serta para Pengarah Majlis Bandaraya Kuantan.

Empat projek tersebut ialah:

1. Mempercepatkan proses permohonan kerja tanah bagi projek pembangunan di Kuantan.
2. Mempercepatkan Proses Permohonan Lesen Perniagaan (Lesen Berisiko) dalam tempoh 21 hari.
3. Menambah baik proses cadangan pemajuan yang telah tamat tempoh bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.
4. Mempercepatkan proses kelulusan Kebenaran Khas bagi memulakan kerja bangunan untuk projek pelaburan berimpak tinggi (RKB).

Daripada keempat-empat inisiatif tersebut, Projek Kebenaran Khas Kerja Bangunan (RKB) telah menerima pengiktirafan sebagai salah satu Projek Berpotensi Tinggi, sekali gus membuktikan keberkesanan inisiatif MBK dalam mempercepatkan proses kelulusan projek pelaburan berimpak tinggi tanpamenjejaskan aspek pematuhan kepada peraturan dan keselamatan.

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan MBK dalam melaksanakan reformasi kerenah birokrasi melalui pendekatan yang lebih cekap, pantas dan berorientasikan pelanggan. Inisiatif-

inisiatif yang diperkenalkan dijangka dapat meningkatkan keyakinan pelabur, memperkukuh ekosistem pembangunan serta menyokong agenda Kerajaan MADANI dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam.

Kejayaan ini merupakan hasil kerjasama pelbagai pihak di MBK yang sentiasa komited dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan demi memberikan perkhidmatan yang berkualiti, efisien dan berimpak tinggi kepada rakyat, komuniti perniagaan dan para pelabur.





SUKAN MALA

Kejohanan Sukan Malaysian Association of Local Authorities (MALA) 2026 (Fasa 1) telah melabuhkan tirainya dengan menyaksikan manifestasi semangat juang yang tinggi serta prestasi yang amat membanggakan daripada barisan atlet Majlis Bandaraya Kuantan (MBK). Sepanjang kejohanan berlangsung, kontinjen MBK telah mempamerkan kualiti kesukanan yang kompetitif dalam setiap acara yang ditandingi, sekaligus mengharumkan nama organisasi di persada sukan antara pihak berkuasa tempatan.

Kejayaan cemerlang dicatatkan melalui acara Petanque dan Golf, di mana kedua-dua kategori ini menyaksikan MBK berjaya menduduki tempat ketiga. Bagi acara Golf, pencapaian tersebut diraih melalui kategori individu, manakala pasukan Petanque pula membuktikan konsistensi luar biasa sepanjang saingan berlangsung. Sementara itu, dalam acara sukan teras seperti Sepak Takraw dan Dart, barisan pemain menunjukkan daya saing yang sengit apabila kedua-duanya berjaya melayakkan diri ke pusingan kalah mati, dengan pasukan Sepak Takraw kental berjuang sehingga ke peringkat penentuan suku akhir.

Secara keseluruhannya, penglibatan MBK dalam fasa pertama ini merupakan satu petanda positif terhadap pembangunan sukan kakitangan yang progresif. Momentum kemenangan dan semangat kental yang dipamerkan oleh para atlet ini diharapkan menjadi pemangkin serta sandaran utama untuk meraih kejayaan yang lebih gemilang pada fasa kejohanan yang seterusnya.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh ahli kontinjen atas komitmen dan pencapaian yang telah diraih.



OPERASI HALANGAN KENDERAAN BERAT DI KAWASAN PERUMAHAN

Majlis Bandaraya Kuantan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan satu operasi bersepadu bagi membanteras isu halangan dan keberadaan kenderaan berat di kawasan perumahan sekitar daerah Kuantan.

Operasi yang dijalankan pada 10 April 2026 tersebut memfokuskan kepada beberapa lokasi utama yang sering menerima aduan, termasuk Taman Seriku, Taman Seri Mahkota, Sungai Isap, Baluk Perdana, Baluk Makmur, dan Seberang Baluk Putra. Tindakan penguatkuasaan ini dijayakan oleh kekuatan logistik seramai 19 anggota, yang terdiri daripada 12 anggota Warden Trafik MBK serta 7 anggota penguatkuasa JPJ.

Hasil daripada operasi bersepadu tersebut, pihak berkuasa telah

mengambil tindakan tegas dengan mengeluarkan sebanyak 14 keping kompaun di bawah Seksyen 5, Peraturan-Peraturan (Jentera Bergerak Berat). Selain itu, sebanyak 16 keping notis turut dikeluarkan di bawah Seksyen 48 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta333) ataskesalahanberkaitan.

Pihak Majlis Bandaraya Kuantan ingin memberikan peringatan tegas kepada semua pemandu dan pemilik kenderaan berat agar sentiasa mematuhi peraturan serta larangan meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang akan terus dipertingkatkan secara konsisten dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan, ketenteraman, dan kesejahteraan penduduk setempat sentiasa terpelihara.





OPERASI LIMAU SEMPENA TAHUN BARU CINA 2026

Majlis Bandaraya Kuantan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang, serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melaksanakan Operasi Limau di sekitar kawasan komersial Kuantan sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Dalam operasi bersepadu yang dijalankan pada 11 Februari 2026 tersebut, pihak berkuasa telah mengenal pasti dan mengambil tindakan tegas terhadap pelbagai kesalahan yang dilakukan oleh premis perniagaan. Antara pelanggaran peraturan yang dikesan termasuklah mempamerkan iklan serta sependuk tanpa lesen, menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen yang sah, dan menyebabkan halangan di kawasan awam atau kaki lima.

Selain itu, tindakan turut diambil ke atas kesalahan membina struktur di atas longkang atau kaki lima, gagal menjaga kebersihan premis, menjual barangan yang telah tamat tempoh serta kemek, serta kegagalan mengasingkan produk halal pada rak pameran jualan.

Pihak Majlis Bandaraya Kuantan menegaskan bahawa aktiviti semakan dan pemantauan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan di seluruh kawasan pentadbiran majlis akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, semua peniaga dan pengusaha premis diingatkan agar sentiasa mematuhi syarat-syarat serta peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas.



PROGRAM PEMBERSIHAN PERSISIR SUNGAI KUANTAN 2026

Program Pembersihan Persisir Sungai Kuantan sekitar kawasan Boardwalk telah diadakan pada Ahad, 15 Mac 2026 bermula jam 8.00 pagi. Program ini dianjurkan oleh Bahagian Kesihatan Persekutuan sebagai usaha memelihara kebersihan kawasan persisir sungai serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.

Aktiviti ini turut mendapat penyertaan daripada Biro Gen Z KESUMBA yang bersama-sama berganding bahu menjayakan program tersebut. Penglibatan golongan belia ini mencerminkan semangat kerjasama komuniti dalam memastikan persekitaran kekal bersih, selamat dan terpelihara untuk manfaat bersama.





LATIHAN AMAL

EMERGENCY RESPONSE EXERCISE - ERE PAHANG

Latihan Tindak Balas Kecemasan & Pelan Evakuasi Satu latihan simulasi lapangan berskala penuh melibatkan pelbagai agensi dan pemegang taruh berkaitan telah diadakan.

Latihan kecemasan anjuran Petronas Gas Berhad tersebut tidak sekadar menguji pelan kecemasan pihak penganjur malah turut dijadikan platform menilai tahap kesiapsiagaan dan respons terhadap insiden Chemical, Biological, Radiological, Nuclear & Explosive (CBRNe) oleh majlis bandaraya kuantan di lokasi terlibat dan pelan tindakan semasa dan selepas bencana bagi kerja-kerja pembersihan di lokasi kejadian.

Latihan simulasi berdurasi setengah hari tersebut bukan sekadar menguji prosedur, malah turut menilai keupayaan anggota berkomunikasi, mengurus proses kerja dan informasi dalam situasi persekitaran bertekanan tinggi.



Lawatan Kunjung Hormat

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) terus memperkukuh peranan dinamikinya sebagai pusat rujukan tadbir urus terbaik melalui penerimaan pelbagai siri lawatan kerja, lawatan akademik, dan kunjungan hormat peringkat tinggi sepanjang fasa awal tahun 2026.

Selain itu, MBK turut menerima siri lawatan penanda aras daripada pelbagai agensi kerajaan dan korporat seperti Majlis Sukan Pahang, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), serta Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang meneliti pengurusan Smart City di Command Centre MBK. Hubungan dua hala ini diperkukuh lagi melalui aktiviti sukan persahabatan bersama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan lawatan kerja daripada pihak MOTAC Putrajaya.

• MAJLIS SUKAN PAHANG



• JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA



• MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



• MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



Kecekapan tadbir urus MBK dalam aspek penguatkuasaan, kutipan hasil, dan pengurusan landskap turut dijadikan model rujukan oleh PBT lain seperti Pekan, Rompin, Maran, dan Segamat. Pada masa yang sama, MBK terus menyokong sektor pendidikan dengan menerima kunjungan akademik daripada ratusan pelajar institusi pengajian tinggi termasuk UIAM, Kolej Komuniti, UTM dan UiTM. Sinergi berterusan ini membuktikan komitmen padu MBK dalam memacu kecemerlangan perkhidmatan demi kemakmuran bersama.

• KOLEJ KOMUNITI KUANTAN



• UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA





Kursus SPAR

Jabatan Khidmat Pengurusan dan Penguatkuasaan MBK telah menganjurkan Bengkel Semakan Sub Modul Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) di Dewan Seminar Lestari, Kompleks MBK. Program yang bermula jam 8.00 pagi ini dihadiri oleh 94 orang peserta daripada pelbagai jabatan dan bahagian di bawah Majlis Bandaraya Kuantan.

Objektif utama bengkel adalah untuk memberi kefahaman mengenai peranan Ketua Perkhidmatan, Ketua Jabatan, dan Pengurus Sumber Manusia dalam memastikan pelaksanaan pepadanan kamus kompetensi fungsian bagi setiap perjawatan dilakukan dengan tepat demi memacu kecemerlangan organisasi. Sesi taklimat teknikal dan bimbingan sepanjang bengkel telah disampaikan oleh pakar daripada Unit Prestasi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) Pahang.





Jamuan Hari Raya Aidilfitri MBK

Suasana meriah dan harmoni mewarnai Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) 2026M/1447H yang berlangsung di Dewan Jubli Perak, Kuantan.

Majlis bertambah seri dengan kehadiran YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Nazri bin Abu Bakar, selaku wakil rasmi Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Tradisi tahunan ini bukan sekadar keraian, malah menjadi jambatan utama dalam mengeratkan lagi ukhuwah serta silaturahim antara warga kerja dan tetamu yang hadir.





Lawatan Menteri KPKT

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) berbesar hati menjadi tuan rumah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sempena Jelajah Sentuhan Kasih KPKT 2026 4.0 yang telah diadakan di sekitar Kuantan.

MBK amat mengalu-alukan kehadiran YBM Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, yang mengetuai rombongan kementerian bagi meninjau beberapa projek komuniti termasuk Taman Rekreasi MADANI Taman Pandan Damai, gerai Taman Tas, Anjung Selera Taman Cenderawasih serta kemudahan awam di Pantai Batu Hitam.

Turut mengiringi rombongan ialah YBhg. Dato' Ahmad Farhan bin Dato' Sri Fauzi, Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri; YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); YH. Dato' Zaliza binti Zulkipli, Datuk Bandar Kuantan; serta Pegawai-Pegawai Kanan KPKT, wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Majlis Bandaraya Kuantan.

Majlis ini mencerminkan komitmen berterusan KPKT dalam memperkasa pembangunan dan kesejahteraan rakyat, khususnya melalui peruntukan keseluruhan RM183 juta bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan di negeri Pahang sepanjang tahun 2026. MBK turut merakamkan penghargaan atas pengumuman peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta bagi pembinaan semula Medan Selera Cenderawasih, yang pastinya memberi manfaat besar kepada peniaga dan komuniti setempat.

Kerjasama erat antara KPKT, Kerajaan Negeri Pahang dan Majlis Bandaraya Kuantan membuktikan kesungguhan semua pihak dalam memastikan agenda pembangunan bandar dan kesejahteraan rakyat terus diperkasa demi kemajuan Kuantan yang mampan dan inklusif.





Lantikan Staff Baharu

Majlis dengan sukacitanya mengucapkan selamat datang kepada 92 orang kakitangan lantikan baharu tetap yang telah melapor diri pada 29 Disember 2025 yang lalu. Kehadiran tenaga kerja baharu yang terdiri daripada pelbagai jawatan merangkumi Gred 1, Gred 5, serta Gred 9 ini kini telah ditempatkan di pelbagai jabatan mengikut kepakaran masing-masing bagi memperkukuh lagi jentera pentadbiran organisasi.



Dengan kemasukan portfolio dan kepakaran yang pelbagai ini, ia dijangka bakal memacu inovasi, menyuntik tenaga kerja yang lebih dinamik, serta meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan majlis ke tahap yang lebih tinggi. Selamat maju jaya dan selamat berkhidmat diucapkan kepada semua ahli keluarga baharu Majlis. Bersama-sama kita menggembleng tenaga demi kecemerlangan organisasi dan kesejahteraan komuniti.





Lawatan Ke Luar Negara

LAWATAN PROGRAM TADBIR URUS EKONOMI DIGITAL GLOBAL PERKASA KEUPAYAAN WARGA KERJA

United Nations Institute for Training and Research (UNITAR) dengan kerjasama Global Digital Economy Cities Alliance (DEC 40) telah menganjurkan program khas bagi menangani cabaran infrastruktur, kelemahan dasar, dan kekurangan tenaga mahir dalam ekonomi digital global. Encik Fakhru bin Abdullah daripada Jabatan Perancang Bandar MBK merupakan antara peserta yang terpilih mengikuti program yang menggunakan pendekatan blended learning ini.

Program antarabangsa ini dilaksanakan secara komprehensif melalui tiga fasa utama:

- **Fasa 1 (Latihan Dalam Talian):** Menumpukan kepada pembinaan asas kukuh mengenai rangka dasar, peraturan, dan trend tadbir urus ekonomi digital global.
- **Fasa 2 (Latihan Praktikal Bersemuka di Beijing):** Sesi intensif selama 11 hari yang merangkumi lawatan industri ke pusat digital, bengkel inovasi teknologi termasuk Kecerdasan Buatan (AI), kajian kes, serta aktiviti jaringan strategik bersama pihak industri.
- **Fasa 3 (Latihan Dalam Talian Lanjutan):** Kursus bertaraf MBA untuk memperkukuh pengetahuan teknikal dan meningkatkan perspektif global peserta.

Melalui penglibatan dalam tugas berkumpulan, pembentangan hasil kerja, dan lawatan budaya yang disediakan, inisiatif ini berjaya mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran tadbir urus ekonomi digital peserta demi memacu pembangunan digital yang lebih efektif di peringkat tempatan.





LAWATAN STRATEGIK SDG WARRIOR MBK DI SARAWAK

Lawatan Strategik SDG Warrior MBK telah diadakan ke Bandaraya Kuching, Sarawak pada 24 hingga 26 April 2026 yang terdiri daripada 19 orang kakitangan yang merupakan SDG Warrior MBK. SDG Warrior merupakan wakil setiap jabatan yang dilantik sejak tahun 2023 bagi mengurus dan melaporkan projek serta aktiviti berkaitan SDGs dengan pencapaian sebanyak 329 program SDGs telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025.

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari amalan terbaik dalam pelaksanaan SDGs, memahami penyelarasan kolaborasi antara jabatan, agensi, sektor swasta, NGO dan komuniti, serta memperkukuh peranan dan kapasiti SDG Warrior. Selain itu, lawatan ini turut menyokong halatujau pembangunan Kuantan yang merangkumi RTD Kuantan 2035 (Pengubahan 2), RKK Waterfront, Indera Mahkota dan Tanjung Lumpur, semakan Pelan Bandar Pintar 2035 serta cadangan penubuhan SDG Center.



Aktiviti Majlis Bandaraya Kuantan

Program Semarak Ramadan 1447H/2026M

Program Semarak Ramadan 1447H/2026M anjuran Majlis Bandaraya Kuantan terus memperkukuh peranan institusi keagamaan apabila sebanyak 102 masjid dan 73 surau berdaftar di seluruh Daerah Kuantan menerima sumbangan keseluruhan berjumlah RM138,500.00, sebagai tanda komitmen berterusan MBK dalam menyokong usaha pengimarahannya Ramadan.

Majlis penyampaian sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Nizam bin Mahayuddin, Setiausaha MBK, dengan kehadiran Al-Fadhil Mohd Hafidz bin Mohamad Suhaile (Timbalan Qadhi Bandaraya Kuantan), Al-Fadhil Tuan Haji Badaruddin bin Ahmad Bustami (Qadhi Kuantan Barat), barisan Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan serta para Pengerusi Masjid dan Surau.


Sumbangan ini diharapkan dapat membantu meringankan kos penganjuran aktiviti sepanjang Ramadan termasuk program berbuka puasa, solat tarawih, tadarus al-Quran dan kebajikan asnaf, selaras dengan aspirasi MBK untuk memastikan pembangunan bandaraya yang seimbang antara kemajuan fizikal dan pembangunan rohani masyarakat.



Program Santunan Permata Aidilfitri 2026/1447H

Majlis Bandaraya Kuantan telah menganjurkan Program Santunan Permata Aidilfitri 2026/1447H di perkarangan Jakel Kuantan sebagai inisiatif kebajikan bagi menyantuni golongan yang memerlukan, khususnya kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan di sekitar Jalan Wong Ah Jang. Program ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuantan, Dato' Zaliza bin Zulkipli. Seramai 40 orang penerima telah dipilih untuk menerima set lengkap pakaian Hari Raya sebagai persediaan menyambut Syawal, selain turut menerima sumbangan kuih raya hasil sokongan pihak korporat. Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan berterusan dalam memastikan kebajikan komuniti sentiasa diberi perhatian, di samping menyemai kegembiraan dan harapan dalam kalangan penerima.

Dalam masa yang sama, program ini turut mengiktiraf peranan penting peniaga dan penganjur bazar Ramadan sebagai pemangkin ekonomi setempat. Sebanyak 33 tapak bazar melibatkan 24 penganjur dan 1202 peniaga telah dinilai bagi Anugerah Gerai Ramadan, sekali gus mengangkat konsep bazar lestari, pintar dan madani melalui amalan gaya hidup sihat, kelestarian alam sekitar serta kempen rendah gula. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh ekonomi komuniti, malah menyemarakkan semangat kebersamaan dan keprihatinan masyarakat, selari dengan keberkatan bulan Ramadan yang mendorong amalan kebajikan terus diperkasa.



Majlis Perasmian Kemudahan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR)

Majlis Perasmian Kemudahan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) yang melibatkan Gelanggang Gunasama dan Trek Jogging bertempat di Taman Seri Damai Aman. Majlis ini telah disempurnakan oleh Dr. Quizi Iqbal, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) yang hadir mewakili EXCO Kerajaan Negeri Pahang, YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff. Beliau diiringi oleh Tuan Haji Md Rapi bin Md Nor, Ketua Bahagian Projek dan Rekabentuk, sebagai wakil rasmi Datuk Bandar Kuantan.

Program dimulakan dengan lawatan kerja ke Pos SRS bagi meninjau pemasangan sistem CCTV yang bertujuan meningkatkan tahap keselamatan komuniti setempat. Selain perasmian infrastruktur fizikal, Dr. Quizi Iqbal turut merasmikan Kejohanan Tertutup Bola Tampar dan Sepak Takraw yang diadakan sebagai acara pembukaan bagi penggunaan gelanggang baharu tersebut.

Laporan ini memperincikan komitmen pihak berkuasa dalam menyediakan fasiliti sukan yang berkualiti demi kesejahteraan penduduk di Kuantan.



SESI TOWN HALL KOMUNITI PELANCONGAN CHERATING

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) telah menganjurkan Sesi Town Hall Komuniti Pelancongan Cherating bertempat di Residence Inn Cherating sebagai platform perkongsian maklumat serta pandangan bersama komuniti.

Taklimat Potensi Pembangunan Stesen ECRL telah disampaikan oleh Encik Mohd Nor Nahar bin Abd Hadi, Pengurus Projek ECRL Seksyen 6.

Manakala, taklimat berkaitan projek International Network of Sustainable Tourism Observatories (INSTO) disampaikan oleh Puan Shereen binti Haron dari Bahagian Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri.

Program ini melibatkan seramai 150 orang peserta terdiri daripada pengusaha hotel, rumah inap, pengusaha batik, pengusaha makanan, kelab luncur ombak serta komuniti setempat.

Diharapkan program ini dapat memperkukuh kerjasama strategik antara Pihak Berkuasa Tempatan dan komuniti dalam merencanakan sektor pelancongan Cherating secara mampan dan berdaya saing.



TEATER SUNGAI LEMBING



Pementasan ini turut dijayakan oleh barisan pelakon ternama, antaranya Dato' Jalaluddin Hassan dan Neera Azizi. Bertemakan sejarah Pekan Sungai Lembing, naskhah ini bertujuan untuk berkongsi warisan sejarah perlombongan di kawasan tersebut dengan masyarakat luar, sekali gus mengupas keunikan serta nilai sejarah yang diangkat dalam persembahan hebat ini.

Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) telah menganjurkan Pementasan Teater Komuniti: The Stories of Sungai Lembing yang diarahkan oleh pengarah teater tersohor, YBhg. Tuan Haji Lokman Ghani. Majlis tersebut diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Menteri Ekonomi, YB Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah, Datuk Bandar Kuantan, YH Dato' Zaliza bin Zulkipli, serta Setiausaha Majlis Bandaraya Kuantan, Tuan Haji Mohd Nizam bin Mahayuddin.



“MBK komited untuk menjamin dan mempertingkatkan integriti pengurusan dan kakitangan mengikut peraturan dan undang-undang yang diguna pakai untuk mengekang aktiviti rasuah dan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang serta dapat menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan dengan sebaik mungkin serta merealisasikan visi MBK iaitu Kuantan Bandaraya Lestari, Inklusif, Resilien dan Pintar.”

MBK akan:

- ✓ Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Undang-Undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan tugas mereka.
- ✓ Mewujudkan proses pengenalpastian, penganalisaan, penaksiran dan kawalan risiko bagi proses-proses kerja utama serta membuat perancangan untuk mencapai objektif, sasaran, program dan pelan tindakan bagi aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti mempunyai risiko yang memberi impak kepada MBK.
- ✓ Membuat semakan semula dasar dan penilaian risiko sekurang-kurangnya sekali dalam satu tahun kalendar atau sekiranya ada perubahan dalam pengurusan, perundangan dan aktiviti-aktiviti jabatan.
- ✓ Mewujudkan ruang pelaporan yang selamat melalui Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing) MBK bagi menggalakkan pelaporan aktiviti salah laku rasuah atau sebarang pelanggaran integriti serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu.
- ✓ Bahagian Integriti MBK bertanggungjawab memantau pematuan SPAR MBK dan mempunyai hubungan secara terus dengan Pengurusan Tertinggi Majlis serta Badan Tadbir Urus (Governing Body) menerusi Jawatankuasa Tatatertib untuk melaporkan isu berbangkit mengenai rasuah atau SPAR.
- ✓ Pihak Pengurusan Atasan MBK komited untuk melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara berterusan menerusi SPAR MBK mengikut standard MS ISO 37001:2025 (Anti-Bribery Management Systems).
- ✓ Mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana pihak yang tidak mematuhi Dasar SPAR MBK mengikut peraturan-peraturan, polisi, arahan, prosedur dan garis panduan MBK atau undang-undang yang berkuatkuasa.



HENTIKAN
RASUAH

IMBAS DISINI
LAPORKAN DENGAN
MUDAH DAN CEPAT

**MAKLUMAT PENYALURAN ADUAN INTEGRITI
BAHAGIAN INTEGRITI MAJLIS BANDARAYA Kuantan**

1. e-ADUAN (*Whistleblowing*) (www.mbk.gov.my)
2. **HOTLINE WHISTLEBLOWING**
Hubungi Bahagian Integriti sambungan 7630
3. e-MEL RASMI ADUAN INTEGRITI aduanintegriti@mbk.gov.my
4. HADIR SENDIRI BERJUMPA KETUA BAHAGIAN INTEGRITI
(Bahagian Integriti, Aras 6, MBK)
5. SALURAN SURAT KEPADA BAHAGIAN INTEGRITI
6. IMBAS KOD QR ADUAN INTEGRITI



Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan tadbir urus, MBK telah mewujudkan Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing) bagi memudahkan warga MBK serta orang awam melaporkan pelanggaran tatakelakuan atau integriti seperti penipuan, rasuah, penyelewengan kewangan yang serius dan salah guna kuasa seseorang yang dilantik dalam MBK dengan lebih berkesan. Ini sejajar dengan komitmen MBK untuk membangunkan budaya keterbukaan dan kejujuran di mana seseorang digalakkan untuk melaporkan perkara tersebut, dengan niat baik, tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Mana-mana individu yang mahu melaporkan salah laku rasuah dan pelanggaran integriti akan dilindungi oleh Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing). Di bawah dasar ini, laporan boleh dibuat terhadap mana-mana individu yang mempunyai kaitan dengan MBK, sekiranya disyaki melakukan salah laku rasuah dan pelanggaran integriti. Sebarang kes salah laku atau pelanggaran integriti yang dilaporkan akan disiasat menurut prosedur dan undang-undang yang berkaitan.

HENTIKAN
RASUAH

**‘LAPORKAN SEBARANG
SALAH LAKU..’ ANGGOTA KERJA**

IMBAS DISINI
LAPORKAN DENGAN
MUDAH DAN CEPAT



MAKLUMAT PENYALURAN ADUAN INTEGRITI BAHAGIAN INTEGRITI MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

1. e-ADUAN (Whistleblowing) (www.mbk.gov.my)
2. HOTLINE WHISTLEBLOWING
Hubungi Bahagian Integriti sambungan 7630
3. e-MEL RASMI ADUAN INTEGRITI aduanintegriti@mbk.gov.my
4. HADIR SENDIRI BERJUMPA KETUA BAHAGIAN INTEGRITI
(Bahagian Integriti, Aras 6, MBK)
5. SALURAN SURAT KEPADA BAHAGIAN INTEGRITI
6. IMBAS KOD QR ADUAN INTEGRITI



**DASAR HADIAH
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN
MS ISO 37001:2025**

Dasar Hadiah ini memerlukan Warga MBK untuk mengamalkan standard etika dan tatakelakuan tertinggi dalam semua perkara apabila berurusan dengan pihak ketiga untuk mengekalkan kerja.



Dasar Hadiah ini hendaklah dibaca bersama-sama Kod Etika Kerja MBK dan Dasar serta Polisi Antirasuah MBK. Sebarang pelanggaran Dasar Hadiah ini akan juga menjadi pelanggaran kepada Kod Etika Kerja MBK dan Dasar serta Polisi Antirasuah MBK.

SEMUA WARGA MBK

**TIDAK DIBENARKAN
MEMBERI ATAU MENERIMA
SEBARANG
HADIAH SECARA LANGSUNG
ATAU TIDAK LANGSUNG**



IMBAS DISINI
LAPORKAN DENGAN
MUDAH DAN CEPAT

**MAKLUMAT PENYALURAN ADUAN INTEGRITI
BAHAGIAN INTEGRITI MAJLIS BANDARAYA KUANTAN**

1. e-ADUAN (*Whistleblowing*) (www.mbk.gov.my)
2. *HOTLINE WHISTLEBLOWING*
Hubungi Bahagian Integriti sambungan 7630
3. e-MEL RASMI ADUAN INTEGRITI aduanintegriti@mbk.gov.my
4. HADIR SENDIRI BERJUMPA KETUA BAHAGIAN INTEGRITI
(Bahagian Integriti, Aras 6, MBK)
5. SALURAN SURAT KEPADA BAHAGIAN INTEGRITI
6. IMBAS KOD QR ADUAN INTEGRITI

HARI TANPA TUNAI

"Cashless Day"

Bermula 1 Mei 2026

Hari Pelaksanaan
**Rabu, Khamis
& Jumaat**



Cara Bayaran:
**Kad Kredit/Debit/Cek/
Duit Now/QR/FPX**



Pahang Go



mbk online



Jompay



Quick MBK



E-bayar



Perbankan
Internet

PBTPay

Apps PBTPay



Pada hari-hari
tersebut, kaunter
pembayaran MBK
**tidak akan menerima
bayaran secara tunai**



| MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

